

**TAHAP KEPATUHAN
TERHADAP
KEPUTUSAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM KES NAFKAH
-SATU KAJIAN KES**

OLEH:

**FATIMAH BINTI SULAIMAN (KETUA)
DR HASAN BIN BAHROM
CHE NORZILA BINTI SULONG
HALIMAHTON BINTI AWANG
(Allahyarhamah)**

16 SEPT 2006

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sepenuhnya.

Di antaranya:

Prof Madya Y.M. Tengku Yusoff Tengku Mahmud

Prof Madya Wan Dorishah Wan Abdul Manan

Haji Zainuddin Zakaria
(Koordinator URDC UiTM Terengganu)

Jabatan Kehakiman Malaysia (Mahkamah Syariah)
Kuala Terengganu

Yang Arif Hakim-Hakim, Pendaftar Mahkamah dan Penolong Pendaftar Mahkamah,
Bailif Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu

Kakitangan Mahkamah Syariah Daerah Kuala Terengganu, Daerah Kemaman dan
Daerah Dungun

PM DR Farok Zahari (penyemak laporan penyelidikan)

Pembantu perpustakaan UiTM Dungun

Rakan-rakan yang memberi bantuan dan sokongan

ABSTRAK

Pelbagai masalah timbul akibat dari perceraian seperti masalah hadanah, harta sepencarian, fara'id dan masalah nafkah. Isu nafkah menduduki ranking paling atas dalam senarai kes perceraian di Mahkamah Syariah Terengganu. Sekalipun pun kajian berhubung dengan persoalan nafkah telah banyak dibuat, tetapi topik kepatuhan terhadap keputusan mahkamah masih sedikit dibicarakan sedangkan persoalan ini amat penting kerana berjaya atau gagal sesuatu kes mahkamah adalah terletak kepada kepatuhan terhadap keputusan yang dikeluarkan. Kajian yang dilakukan ini melihat secara lebih dekat aspek tahap kepatuhan, kadar pengabaian, sebab-sebab berlakunya ketidakpatuhan dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dalam menangani masalah ini. Walau pun kadar perceraian di Terengganu tinggi, kajian mendapati kes berkaitan tuntutan nafkah tidak pula begitu. Ini bermakna kes pengabaian nafkah dan pengingkaran perintah mahkamah di Terengganu rendah dan menunjukkan ramai lelaki bersedia melaksanakan tanggungjawab tersebut. Kadar yang rendah bukan bermakna ia tidak menjadi suatu masalah di Terengganu. Kebimbangan wajar timbul memandangkan kadar ketidakpatuhan perintah mahkamah bertambah setiap tahun termasuk tahun 1999 hingga 2004. Langkah-langkah yang diambil untuk meyelesaikan masalah ini masih belum berkesan. Fenomena ini wujud ekoran dari beberapa sebab seperti kedegilan penghutang penghakiman, kejahilan pemiutang penghakiman, kerjasama yang kurang memuaskan dari pihak lain, undang-undang yang tidak kemas dan lain-lain. Pada bahagian akhir kajian penyelidik telah membuat beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah ini. Penyelesaian ke tahap sifar mungkin sukar. Walaubagaimana pun dengan cadangan ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan kadar pengabaian nafkah dan ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah dalam kes nafkah.

ISI KANDUNGAN

Surat Penyerahan Laporan	iii
Daftar Ahli Penyelidik	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Abstrak	xiv

BAB 1 : PENGENALAN DAN METOD KAJIAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	4
1.2	Objektif Kajian	5
1.3	Rangka Teori	6
1.4	Kepentingan Kajian	7
1.4.1	Faedah Kepada Penyelidik	7
1.4.2	Faedah Kepada Mahkamah Syariah	8
1.5	Andaian Awal Terhadap Kajian	8
1.6	Batasan Kajian	8
1.7	Definisi	9
1.7.1	Tahap	9
1.7.2	Kepatuhan	10
1.7.3	Tahap Kepatuhan	10
1.7.4	Mahkamah	11
1.8	Kaedah Pengumpulan Data	12

1.9	Analisa Kajian	13
1.10	Halangan	15
1.10.1	Halangan dari pihak penyelidik	15
1.10.2	Halangan dari pihak Organisasi	15
BAB 2	: ULASAN KARYA	
2.0	Pengenalan	16
2.1	Kedudukan Kaum Adam Di Dalam Islam	17
2.2	Kedudukan Wanita Di Dalam Agama-Agama Lain Dari Islam	20
2.3	Kedudukan Wanita Di Dalam Islam	24
2.4	Tanggung Jawab Memberi Nafkah – Tuntutan Dan Hukum Pengabaiannya	31
2.4.1	Jenis-Jenis Nafkah	33
2.4.1.1	Nafkah Kepada Diri Sendiri	34
2.4.1.2	Nafkah Suami Kepada Isteri	34
2.4.1.3	Nafkah Usul (ibu bapa ke atas) Kepada Furu' (Anak, Cucu dan Urutan ke Bawah)	40
2.4.1.4	Nafkah Furu' Kepada Usul (Ibu Bapa, Nenek dan urutan ke atas) dan Kaum Kerabat	42
2.4.1.5	Nafkah Kepada Hamba, Orang Gaji Dan Binatang Peliharaan	43